



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

TAKAFUL PERCUMA HAMPIR RM100,000

1. **Johor, 26 April 2021** - PTPTN melalui Program Ziarah PTPTN Prihatin telah mengunjungi balu mendiang Encik Tamilselvan a/l Suppiah iaitu salah seorang pendeposit SSPN-i di kediaman beliau di Johor Bahru, Johor. Semasa kunjungan ini, YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN telah menyerahkan manfaat perlindungan takaful SSPN-i kepada isteri mendiang.
2. Tamilselvan a/l Suppiah, 58 tahun, seorang ahli perniagaan telah meninggal dunia pada 27 Oktober 2019 akibat kanser usus. Beliau merupakan pendeposit SSPN-i yang telah membuka akaun pada 11 Ogos 2008 untuk dua (2) orang anak beliau. Ketika disahkan meninggal dunia, beliau mempunyai simpanan SSPN-i yang melayakkan beliau menerima manfaat perlindungan takaful dengan jumlah RM96,473.58 bersamaan dengan jumlah simpanan beserta khairat kematian sebanyak RM2,000.00
3. Inilah keistimewaan SSPN-i yang memberikan manfaat perlindungan takaful percuma secara Ringgit ke Ringgit kepada pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas jika berlaku kematian/ ilat kekal menyeluruh kepada mereka.
4. Sememangnya nilai manfaat ini tidak dapat menggantikan kasih sayang dan tanggungjawab sebagai seorang bapa, namun simpanan di dalam SSPN-i dan nilai manfaat yang diterima ini dapat menampung kos pendidikan anak-anak beliau. Mendiang telah membuat pilihan yang tepat dengan membuat perancangan kewangan untuk masa depan pendidikan anak-anak beliau melalui SSPN-i bagi memastikan pendidikan dan masa depan anak-anaknya terus terjamin walaupun beliau telah tiada.

5. Selain itu, SSPN-i turut menawarkan pelbagai keistimewaan lain kepada pendeposit seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan sehingga RM8,000 setahun, dividen yang kompetitif, simpanan dijamin oleh Kerajaan, pemberian geran sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga dan patuh syariah. Sehingga 31 Mac 2021, sebanyak 2,985 tuntutan telah dibayar dengan jumlah manfaat perlindungan takaful dan khairat kematian PERCUMA sebanyak RM19.08 juta.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
30 April 2021